



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN

Inisiatif Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Untuk Tempoh 10 Tahun Dengan Kadar Fi Pembaharuan Istimewa Dan Kebenaran Khas Pembaharuan LLM Tamat Tempoh

1. Sebagai salah satu usaha memudahkan urusan orang ramai dan memastikan pematuhan kepada peraturan sedia ada, sukacitanya saya ingin mengumumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) akan melaksanakan 2 inisiatif seperti berikut:-

Pertama : Inisiatif Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Untuk Tempoh 10 Tahun Dengan Kadar Fi Pembaharuan Istimewa

- a. Melalui inisiatif ini, orang ramai boleh memperbaharui LMM masing-masing untuk tempoh maksima sehingga 10 tahun, berbanding pada masa ini yang dihadkan kepada 5 tahun sahaja.

Mana-mana pemegang LMM yang memperbaharui LMM untuk tempoh 10 tahun sekaligus akan hanya dikenakan bayaran untuk tempoh 9 tahun sahaja.

Bagi orang ramai yang berminat, mereka hendaklah memastikan baki tempoh sah laku LMM semasa adalah tidak melebihi satu tahun.

- b. Orang ramai juga akan dibenarkan memperbaharui LMM antara 1 sehingga 10 tahun mengikut pilihan masing-masing tertakluk kepada had maksima 10 tahun.

Namun, hanya pembaharuan 10 tahun sekaligus sahaja akan menikmati keistimewaan fi percuma untuk tahun ke-10.

- c. Inisiatif ini hanyalah untuk warganegara Malaysia sahaja dan tidak terpakai kepada warganegara asing atau mana-mana pemegang pas /





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

permit jangka masa panjang / Kad MyKAS yang mana terikat dengan tempoh sah laku pasport individu terbabit.

Mana-mana pemegang LMM di mana maklumat identiti individu adalah berdasarkan kepada dokumen pasport dan Kad MyKAS adalah masih terikat kepada peraturan sedia ada.

JADUAL RINGKASAN DASAR BAHARU TEMP OH PEMBAHARUAN LMM

	Tempoh yang boleh diperbaharui	Tempoh Maksima	Inisiatif
Dasar Lama	1-5 Tahun	5 Tahun	-
Dasar Baharu	1-10 Tahun	10 Tahun	Hanya bayar untuk 9 tahun sekiranya memperbaharui untuk 10 tahun.

Kedua : Kebenaran Khas Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Tamat Tempoh

- Mengambil kira Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sepanjang pandemik Covid-19 serta kekangan dihadapi oleh rakyat Malaysia di luar negara yang tidak dapat memperbaharui LMM masing-masing kerana tidak berpeluang untuk pulang ke tanah air, MOT akan memberi kebenaran khas kepada mana-mana pemegang LMM yang telah tamat tempoh sah laku untuk memperbaharui LMM masing-masing tanpa perlu menjalani semula ujian.
- Namun, kebenaran khas ini hanya terhad kepada LMM yang mana tempoh sah laku telah tamat mulai 1 Januari 2018 dan ke hadapan sahaja.
- Tempoh kebenaran khas ini hanya berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2023 sahaja. Peraturan sedia ada akan berkuatkuasa semula pada 1 Januari 2024.

Contoh





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

A. En Shukri adalah seorang jurutera yang berkhidmat di sebuah syarikat di Turki. LLM beliau telah tamat tempoh pada Jun 2018 dan beliau bercadang untuk pulang ke tanahair sebelum Jun 2021 untuk memperbaharui lesennya.

Namun, PKP dikuatkuasakan pada Mac 2020 dan beliau tidak dapat kembali ke tanahair sehingga Jan 2022. Beliau mendapati LLMnya telah tamat tempoh melebihi 3 tahun dan terpaksa mengambil semula ujian memandu.

Dengan kebenaran khas ini, En Shukri boleh memperbaharui LLMnya seperti biasa sekiranya beliau membuat demikian sebelum 31 Disember 2023.

B. Pak Cik Zainuddin mendapati LLMnya telah tamat tempoh pada Jan 2018. Beliau tidak bercadang untuk memperbaharui dengan segera kerana tidak memandu.

Apabila beliau hendak memperbaharui LLMnya pada Mac 2020, negara berada dalam PKP dan beliau terlupa perkara ini.

Pada Mac 2021, beliau mendapati LLMnya telah luput melebihi 3 tahun dan terpaksa mengambil semula ujian memandu.

Kebenaran khas yang diumumkan hari ini akan membenarkan Pak Cik Zainuddin untuk memperbaharui LLMnya seperti biasa sekiranya ia dibuat sebelum 31 Disember 2023.

JADUAL RINGKASAN KEBENARAN KHAS PEMBAHARUAN LLM TAMAT TEMPOH





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

	Jangka masa LLM tamat tempoh		Tindakan
	CDL	PDL	
Dasar Semasa	Kurang 3 tahun	Kurang 2 tahun	Boleh memperbaharui seperti biasa
	Lebih 3 tahun	Lebih 2 tahun	Perlu ambil semula ujian
Kebenaran Khas (Sehingga 31 Disember 2023 sahaja)	Kurang 3 tahun	Kurang 2 tahun	Boleh memperbaharui seperti biasa
	Lebih 3 tahun	Lebih 2 tahun	Boleh memperbaharui di kaunter JPJ asalkan tarikh luput adalah 1 Januari 2018 atau kemudian.

*Tidak termasuk lesen belajar memandu (LDL).

2. Kedua-dua inisiatif dan kebenaran khas ini hanya boleh dinikmati oleh pemegang LMM yang bebas daripada sebarang sekatan urus niaga JPJ dan tidak disenarai hitam oleh PDRM, serta bebas daripada sebarang penggantungan akibat suatu hukuman atau Perintah Mahkamah.

3. Bagi kedua-dua inisiatif / kebenaran khas yang telah diumumkan, orang ramai boleh mula menikmati kemudahan tersebut **mulai 8 Mei 2023** dengan berurusan di Pejabat/Kaunter JPJ sahaja.

Pelaksanaan urus niaga terlibat melalui platform disediakan oleh rakan niaga JPJ seperti Pos Malaysia akan tertakluk kepada kesediaan perubahan sistem oleh pihak berkenaan.

Maklumat lanjut mengenai perkara tersebut akan dimaklumkan terus oleh rakan niaga kepada orang ramai.

4. Pihak JPJ juga akan menyediakan senarai Soalan Lazim (FAQ) mengenai kedua inisiatif / kebenaran khas berkenaan. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan merujuk kepada FAQ disediakan atau berhubung terus dengan talian khidmat pelanggan JPJ.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Sekian, terima kasih.

Loke Siew Fook
Menteri Pengangkutan

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

